

22/04/2002

Kolokium kupas sembilan aspek pemikiran Dr Mahathir

MELAKA, Ahad - Sembilan aspek pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dikupas secara terperinci sempena 'Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad' di Hotel Golden Legacy, di sini, selama dua hari, mulai esok.

Perbincangan meliputi aspek wanita, ekonomi, politik, globalisasi, sains dan teknologi, orang Melayu, pendidikan dan Wawasan 2020.

Pengurus Besar Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Kamarudin Md Shah, berkata kolokium itu idea Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Katanya, Mohd Ali mahu pemikiran Dr Mahathir diterjemahkan kepada pelbagai lapisan masyarakat supaya ia boleh dijadikan iktibar dan pendorong ke arah mewujudkan negara maju pada masa depan.

Katanya, kolokium itu diadakan bertujuan membincangkan pelbagai aspek pemikiran Dr Mahathir sejak beliau menyertai kabinet sebagai menteri sehingga dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1981 sehingga ke hari ini.

Kamarudin berkata, secara ringkasnya, Dr Mahathir dalam setiap pemikiran yang diutarakan tidak pernah melupakan orang Islam dan orang Melayu berikutan seriusnya masalah orang Islam dan Melayu.

Katanya, Dr Mahathir sentiasa memikirkan cara terbaik memajukan ekonomi orang Melayu setaraf bangsa lain di negara ini, tetapi malangnya orang Melayu tidak pernah menghargai usaha itu malah terus memutarbelitkannya untuk kepentingan politik.

"Walaupun apa yang dilakukan Dr Mahathir itu benar, mereka tetap tidak mahu menerima apa yang dilakukan itu.

"Mereka ini sanggup bekerja dengan orang asing menjatuhkan kerajaan yang ada bagi mendapat lebih banyak kuasa walaupun sanggup menjual maruah dan harga diri.

Dr Mahathir bimbang dengan kewujudan golongan Melayu seperti ini yang boleh menyebabkan usaha negara membentuk budaya Melayu yang baik gagal. Perkara seperti ini perlu diterjemahkan secara meluas kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya kepada Berita Harian.

Kamarudin berkata, sembilan kertas kerja akan dibentangkan sempena kolokium itu meliputi 'Pemikiran mengenai wanita' oleh Pensyarah Sejarah Universiti Malaya (UM), Datuk Prof Dr Ramlah Adam; 'Pemikiran mengenai ekonomi' oleh Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan yang juga Ketua Eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed.

'Pemikiran mengenai politik' oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, 'Pemikiran mengenai globalisasi' oleh Ketua Pegawai Maklumat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Abdullah Kadir Bacha;

'Pemikiran mengenai globalisasi' oleh Ketua Pengarah ISIS, Datuk Mohammad Jawhar Hassan, 'Pemikiran mengenai Islam' oleh Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim; 'Pemikiran mengenai orang Melayu' oleh Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Fawzi Basri;

'Pemikiran mengenai pendidikan' oleh Pro Canselor Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan 'Pemikiran mengenai Wawasan 2020' oleh Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Zainul Ariff Hussain.

Mengenai persiapan kolokium itu, beliau berkata, setakat ini segala persiapan siap diatur dan akan dirasmikan Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohd

Zahir Ismail, jam 2.30 petang esok.

Katanya, 300 peserta termasuk 200 dari luar Melaka mengesahkan penyertaan masing-masing untuk menyertai kolokium itu.

(END)